

# **Pengaruh Gaya Hidup Pelajar Kejuruteraan di Kolej Kediaman UTM Terhadap Pencapaian Akademik**

A. Ahmad<sup>1</sup>, S. M. Idrus<sup>2</sup>, N.N. N. A. Malik<sup>3</sup>, N.A. Murad<sup>4</sup>, N. H. Ngajikin<sup>5</sup> & M. R. M. Esa<sup>6</sup>

Fakulti Kejuruteraan Elektrik,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 UTM Skudai

anita@fke.utm.my<sup>1</sup>, sevia@fke.utm.my<sup>2</sup>, noordini@fke.utm.my<sup>3</sup>, asniza@fke.utm.my<sup>4</sup>,  
nhafizah@fke.utm.my<sup>5</sup>, mona@fke.utm.my<sup>6</sup>

**Abstrak:** Aktiviti dan cara hidup banyak mempengaruhi pencapaian semasa termasuklah pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Kajian ini merangkumi gaya hidup pelajar di kolej kediaman Universiti Teknologi Malaysia iaitu waktu tidur, waktu belajar, kekerapan keluar kampus dan jawatan ko-kurikulum yang disandang. Perbincangan kertas kerja ini juga merangkumi kaedah pembelajaran dan pendapat pelajar tentang bagaimana mereka mengagihkan masa untuk belajar dan beriadah, pengaruh rakan sebaya terhadap proses pembelajaran dan kesan aktiviti kolej kediaman terhadap corak pembelajaran yang diamalkan. Selain daripada itu, perbincangan hasil soal selidik ini juga melibatkan gaya pembelajaran pelajar untuk melihat keberkesanan belajar berkumpulan, persediaan sebelum kuliah, bantuan rakan samada senior atau junior. Kajian sampel soal selidik telah dilakukan atas 587 pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada semester 1, sesi 2005/2006. Objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh gaya hidup pelajar kejuruteraan di universiti dan juga kolej kediaman terhadap pencapaian akademik. Perbincangan dalam kertas kerja ini memberi fokus kepada perbandingan di antara gaya hidup pelajar yang mempunyai PNGK tinggi dan pelajar yang mempunyai PNGK rendah.


**Kata Kunci:** Gaya hidup, bumiputera, pelajar kejuruteraan, aktiviti pelajar, pencapaian akademik

## **1.0 PENGENALAN**

Dasar sistem pendidikan Malaysia sentiasa berhasrat memastikan kecemerlangan pencapaian akademik dan bukan akademik di kalangan para pelajar samada di peringkat rendah, menengah mahupun universiti. Dengan itu, pelbagai tindakan telah dijalankan bagi memastikan keseimbangan akademik dan aktiviti ko-kurikulum bagi melahirkan pelajar yang serba boleh. Kertas kerja ini melihat corak aktiviti pelajar yang merangkumi gaya hidup pelajar di peringkat universiti dan juga kolej kediaman. Seterusnya bagaimana aktiviti ini memberi pengaruh terhadap pencapaian akademik. Sikap individu dalam mengadaptasikan usaha dan ketekunan diri dalam pembelajaran boleh memberi kesan dalam usaha mencapai matlamat bagi menjulang nama bangsa. Aktiviti dan cara hidup banyak mempengaruhi pembangunan individu, begitu juga pencapaian dalam akademik. Kajian ini merangkumi gaya hidup pelajar di kolej kediaman Universiti Teknologi Malaysia iaitu waktu tidur, waktu belajar, kekerapan keluar kampus dan jawatan ko-kurikulum yang disandang. Selain daripada itu, perbincangan kertas kerja ini juga merangkumi kaedah pembelajaran dan pendapat pelajar tentang bagaimana mereka mengagihkan masa untuk belajar dan beriadah, pengaruh rakan sebaya terhadap proses pembelajaran dan kesan aktiviti kolej kediaman terhadap corak pembelajaran yang diamalkan. Selain daripada itu, perbincangan hasil soal selidik ini juga melibatkan gaya pembelajaran pelajar untuk melihat keberkesanan belajar berkumpulan, persediaan sebelum kuliah, bantuan rakan samada senior atau junior. Responden soal selidik adalah terdiri dari 587 pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada semester 1, sesi 2005/2006. Responden terdiri daripada pelajar-pelajar FKE tahun 2 hingga 5. Objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh gaya hidup pelajar kejuruteraan di kolej kediaman terhadap pencapaian akademik. Perbincangan dalam kertas kerja ini memberi fokus kepada perbandingan di antara gaya hidup pelajar yang mempunyai PNGK tinggi dan pelajar yang mempunyai PNGK rendah, dan perbezaan mengikut kaum.


## 2.0 GAYA HIDUP PELAJAR

Aktiviti dan cara hidup banyak mempengaruhi pencapaian semasa, tidak terkecuali pengaruh pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Sikap dan disiplin pelajar itu sendiri dalam pengurusan masa adalah penting dalam mengatur perjalanan aktiviti harian agar tidak mengeneptikan perkara penting tanpa disedari. Kebanyakan pelajar mungkin mengulangkaji pelajaran di waktu malam setelah menjalani kuliah dan aktiviti lain di waktu siang. Daripada kajian yang dilakukan, merujuk kepada Rajah 1(a) hampir keseluruhan pelajar melayu (PM) dan pelajar bukan melayu(PBM) mula tidur lebih daripada pukul 12 tengah malam. Walaupun corak tidur pelajar PM dan PBM tidak berbeza tetapi pencapaian PNGK(CPA) kedua-dua responden adalah berbeza seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1(b). Ini menunjukkan pola tidur kedua-dua subjek tidak memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka. Persoalannya adakah masa PM sebelum tidur digunakan untuk mengulangkaji ataupun melakukan perkara yang tidak berkaitan dengan akademik. Walaupun kelewat masa tidur dapat memberi peluang yang lebih kepada pelajar untuk mengulangkaji pelajaran, namun begitu, gaya hidup sebegini sebenarnya boleh mempengaruhi keberkesanan penumpuan seseorang pelajar ketika menghadiri kuliah pada esoknya. Begitu juga, didapati sebahagian kecil pelajar lebih selesa tidur awal sekitar jam 8 malam. Mungkin golongan minoriti ini akan bangun mengulangkaji di awal pagi. Persoalannya adakah mereka ini melakukan demikian.




Rajah 1: (a) Perbandingan waktu tidur pelajar dan (b) Pencapaian akademik responden

Bagi menjawab persoalan di atas, adalah perlu dilihat masa yang diperlukan untuk mengulangkaji pelajaran bagi PM. Rajah 2 (a) menunjukkan masa yang digunakan oleh PM mengulangkaji pelajaran, dimana PNGK rendah adalah responden yang mendapat PNGK 2.99 kebawah dan PNGK tinggi adalah responden yang mendapat PNGK lebih dari 3.0. Kebanyakan PM yang cemerlang (60%) mengulangkaji pelajaran lebih daripada 3 jam sehari. Manakala lebih kurang 50% daripada mereka yang mempunyai PNGK rendah hanya akan mengulangkaji pelajaran antara 1 jam hingga 2 jam sehari atau kurang 1 jam sehari. Ini menunjukkan pelajar melayu yang mempunyai PNGK rendah tidak menunjukkan usaha yang gigih untuk cemerlang dalam pelajaran mereka. Mereka hanya bergantung kepada kuliah dan tidak menggunakan masa yang lebih untuk mengulangkaji pelajaran. Merujuk kepada Rajah 2 (b), jika diberi pemberat kepada setiap skala masa, didapati min taburan PM adalah 2.58 manakala PBM 2.51, ini menunjukkan PM sebenarnya memperlukan masa yang lebih lama untuk belajar. Daripada statistik ini juga, menunjukkan rata-rata pelajar melayu juga telah berusaha gigih untuk cemerlang. Persoalannya adakah pelajar kita ini benar-benar menggunakan waktu belajar mereka dengan sebaik-baiknya. Kemungkinan, kuantiti masa bukan satu ukuran, tetapi teknik dalam pembelajaran perlu diambil kira. Tidak dinafikan kemungkinan besar sebahagian kecil pelajar tidak menggunakan masa sebelum tidur untuk mengulangkaji, tetapi melakukan aktiviti lain.




Rajah 2: (a) Jumlah waktu belajar bagi PM dan (b) Perbandingan jumlah waktu belajar PM dan PBM

Pelbagai aktiviti adalah lebih bebas bagi pelajar universiti di luar waktu kuliah berbanding semasa diperingkat sekolah. Justeru adalah menjadi pilihan mereka sendiri untuk menentukannya samada hendak menghabiskan masa tersebut untuk kegiatan positif atau negatif. Ada yang lebih suka melibatkan diri dengan aktiviti berpersatuan sama ada di universiti, fakulti ataupun di kolej kediaman. Ada juga sebahagian yang lebih gemar melakukan aktiviti sosial sendiri seperti keluar bersama rakan-rakan untuk berseronok di luar kampus. Daripada sampel yang diambil, didapati mereka yang lemah dalam akademik kurang penglibatan dalam aktiviti pelajar seperti berpersatuan kerana min pendapat PM yang mempunyai PNGK rendah adalah kurang daripada PM yang mempunyai PNGK tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3(a) dan 3(b).




Rajah 3: (a) Pendapat PM tentang sumbangan aktiviti pelajar untuk kerjaya dan (b) aktiviti pelajar sebagai nilai tambah

Manakala, daripada Rajah 4 menunjukkan masa yang diperuntukkan oleh pelajar keluar daripada kampus. Kebanyakkan PM keluar kampus kurang daripada 2 kali seminggu seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 4(a). Ini jelas dinyatakan dalam kajian ini dimana lebih kurang 70% PM yang mempunyai PNGK tinggi hanya keluar kampus kurang daripada 2 kali seminggu. Kekerapan keluar kampus ini adalah bilangan kekerapan yang paling sesuai untuk menyeimbangkan antara akademik dan bukan akademik. Kegiatan bukan akademik juga penting untuk mengurangkan ketegangan pembelajaran tetapi kekerapannya hendaklah disesuaikan agar ia tidak memberi impak yang negatif kepada kehidupan pelajar tersebut. Merujuk kepada Rajah 4 (b), didapati bahawa PBM lebih kerap keluar kampus berbanding PM. Namun begitu, PBM yang mempunyai PNGK tinggi masih lagi mempunyai kekerapan keluar kampus yang lebih rendah daripada PBM yang mempunyai PNGK rendah. Ini mungkin juga PBM lebih banyak mempunyai aktiviti santai diluar kampus berbanding PM. PM mungkin lebih sibuk dengan aktiviti pelajar dikolej seperti yang dipaparkan oleh Rajah 5 dimana terdapat perbezaan min yang ketara.




Rajah 4: (a) Kekerapan PM keluar kampus dalam seminggu dan (b) Perbandingan kekerapan keluar kampus dalam seminggu PM dengan PBM.




Rajah 5: Perbandingan Pelajar PM dan PBM dalam aktiviti pelajar diperangkat kolej

Kedua PM dan PBM bersepadan bahawa pengaruh rakan sebaya tidak memberi kesan yang tidak baik ke atas pencapaian akademik mereka, seperti yang ditunjukkan Rajah 6(a) dan 6(b).




Rajah 6: Pendapat pelajar mengenai kesan negatif Rakan Sebaya dan (b) Tahap pengaruh rakan

Rajah 7 (a) tidak menunjukkan perbezaan ketara antara pelajar melayu dan pelajar bukan melayu dalam penggunaan masa yang dihabiskan bersama kawan-kawan di luar waktu kuliah. Begitu juga dalam Rajah 7(b), jika dilihat perbandingan PM mempunyai PNGK tinggi mempunyai min yang lebih besar dari segi penggunaan masa bersama rakan diluar waktu kuliah. Ini mungkin juga PM cemerlang ini mengadakan perbincangan akademik bersama rakan dan ini disokong oleh keputusan Rajah 7(c).



Rajah 7: Pengaruh rakan sebaya dalam pencapaian akademik; (a) masa bersama rakan-rakan diluar waktu kuliah; (b) masa PM bersama rakan-rakan diluar waktu kuliah dan (c) bantuan akademik dari rakan bagi PM.


Rajah 8(a) menunjukkan PBM lebih kerap menghadiri kuliah dengan min 4.52 berbanding PM pada min 4.39. PM dengan PNGK tinggi juga memberikan perbezaan ketara dengan perbezaan min 0.33 melebihi daripada PM dengan PNGK rendah. Keputusan dalam Rajah 8(b) menunjukkan sikap tidak ambil berat tentang kehadiran ke kuliah menyebabkan kerosotan akademik dikalangan pelajar. Fokus hendaklah diberikan kepada pelajar yang mempunyai PNGK rendah yang masih lagi tidak menyedari hakikat akan kepentingan kehadiran ke kuliah.



Rajah 8: (a) Kehadiran ke kuliah dan (b) Kehadiran PM ke kuliah


Rajah 9(a) memperlihatkan majoriti PM dan PBM melakukan persediaan belajar sebelum ke kuliah dengan kekerapan yg sederhana. Namun begitu, perbezaan min antara PM dan PBM agak ketara iaitu 0.27. PM dengan PNGK rendah juga melakukan persediaan kuliah yang lebih iaitu 2.69 berbanding 2.64 oleh PM dengan PNGK tinggi. Keputusan ini ditunjukkan dalam Rajah 9(b) dan ini memberikan gambaran bahawa penggunaan masa belajar yang efisien dan sistematis adalah perlu bagi mencapai kecemerlangan akademik, dan bukan diukur daripada jumlah masa yang ditentukan. Terdapat beberapa punca yang memungkinkan

senario ini berlaku. Di antaranya ialah disebabkan oleh beban akademik (tutorial/tugasan/persediaan ujian) yang agak tinggi bagi setiap subjek sehingga menyebabkan kurang tumpuan terhadap topik yang akan dipelajari bagi kuliah berikutnya. Ianya mungkin juga disebabkan oleh sikap pelajar yang sambil lewa atau kurangnya minat dalam subjek tersebut. Kurangnya persediaan akan menyebabkan pelajar tidak dapat memahami keseluruhan isi kuliah dengan baik.



Rajah 9: (a) Persediaan belajar sebelum kuliah dan (b) Persediaan belajar PM sebelum kuliah mengikut PNGK


Sebahagian besar pelajar bagi kedua-dua kategori pencapaian akademik di atas tidak mempraktikkan cadangan masa ulangkaji 1 jam kredit bersamaan 2 jam masa belajar walaupun mereka sependedapat dengan cadangan ini. Min statistik menunjukkan kurang daripada min 3, pelajar yang mempraktikkan gaya hidup tersebut bagi kedua-dua pelajar PNGK rendah dan tinggi. Keputusan dalam Rajah 10(a), 10(b), 10(c) dan 10(d) menunjukkan pendapat pelajar tentang masa ulangkaji ini dan sejauh mana mereka mempraktikkannya. PM dengan PNGK tinggi menunjukkan min 2.68 manakala PM dengan PNGK rendah hanya sebanyak 2.65. Hal ini mungkin disebabkan oleh masalah pengurusan masa dikalangan pelajar. Pelajar juga turut terlibat dalam pelbagai aktiviti lain seperti kelab dan berpersatuan.



Rajah 10 : (a) Pendapat 1 jam kredit kuliah=2 jam belajar sendiri; (b) Mempraktikkan 1 jam kredit kuliah=2 jam belajar sendiri; (c)Pendapat PM bagi 1 jam kredit kuliah=2 jam belajar sendiri dan (d) Mempraktikkan 1 jam kredit kuliah=2 jam belajar sendiri PM


Belajar berkumpulan membolehkan pelajar berkongsi idea dan pemahaman tentang sesuatu topik. Perkongsian ilmu adalah penting kerana setiap individu mempunyai kelebihan yang berbeza dan melalui kaedah ini, mereka dapat membantu menyelesaikan masalah rakan-rakan yang lain. Daripada kajian yang

dilakukan, majoriti pelajar tidak mempraktikkan belajar secara berkumpulan walaupun mereka berpendapat bahawa belajar secara berkumpulan dapat meninggikan kefahaman mereka dalam pembelajaran. Hanya 32.74% PM dan 35.23% PBM yang menyertai kumpulan belajar. Atau hanya min 2.72 PM dan 2.40 PBM yang terlibat dalam belajar berkumpulan. Ini dapat dilihat dalam Rajah 11(a) dan 11(b).



Rajah 11 : (a) Belajar berkumpulan dan (b) Belajar berkumpulan PM

Daripada segi perhubungan antara pelajar senior dan pelajar junior, PBM menunjukkan ikatan perhubungan senior-junior yang lebih baik. Berdasarkan Rajah 12(b), kira-kira 60.1% PBM junior meminta bantuan PBM senior dalam pembelajaran berbanding dengan 53% PM memohon bantuan senior. PBM lebih cenderung meminta bantuan senior dan ini menunjukkan kesan yang positif terhadap akademik mereka kerana mendapat bimbingan yang lebih baik daripada pelajar yang lebih berpengalaman. Walau bagaimanapun, daripada statistik yang ditunjukkan dalam Rajah 12(b) didapati kedua-dua pelajar senior melayu dan bukan melayu tidak memberikan kerjasama sepenuhnya dengan 34.26% PM memberi bantuan kepada juniornya dan 42.3% PBM membantu junior dalam pembelajaran.



Rajah 12 : (a) Pelajar senior membantu pelajar junior dan (b) Pelajar junior yang memohon bantuan pelajar senior

### 3.0 PENDAPAT DAN PANDANGAN PELAJAR

Dalam kajian ini, pendapat dan pandangan pelajar juga diambil kira dalam menganalisa faktor-faktor yang mengganggu pencapaian akademik. Berdasarkan kepada maklumbalas pelajar didapati bahawa antara faktor-faktor yang memberi kesan kepada pencapaian akademik adalah keberkesanan pensyarah, infrastruktur, kewangan dan kesedaran pelajar itu sendiri.

Sebilangan besar pelajar menyatakan bahawa terdapat pensyarah yang tidak menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Ini termasuklah kaedah penyampaian kuliah dan penguasaan pensyarah dalam topik yang diajar. Keseluruhan ini menyebabkan pelajar kurang berminat dan sukar untuk memahami apa yang diajar. Ini mungkin merupakan faktor yang menyumbang kepada tahap pencapaian pelajar.

Faktor kedua yang dilihat menganggu akademik pelajar adalah kekurangan infrastruktur bilik kuliah. FKE terpaksa menanggung beban bilangan pelajar yang besar berbanding bilangan dan saiz bilik kuliah yang disediakan. Rata-rata pelajar menyatakan bahawa keadaan sebilangan bilik kuliah adalah tidak selesa disebabkan oleh ruang yang sempit, tiada kemudahan penghawa dingin, paparan papan putih yang kecil dan

skrin yang tidak jelas. Faktor ini bukan sahaja mengganggu pelajar malah memberi ketidakselesaan kepada pensyarah yang mengajar.

Sebahagian besar PM mengakui bahawa kemerosotan pencapaian akademik mereka adalah berpunca daripada diri sendiri. Sikap malas dan tidak tahu membahagikan masa dinyatakan sebagai punca utama kemerosotan ini.

Sebilangan pelajar juga menyuarakan kewangan adalah faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik. Kadar pinjaman yang diterima pada setiap semester secara umumnya hanya mencukupi untuk keperluan sara hidup. Disebabkan kos sara hidup setempat yang meningkat menyebabkan pelajar tidak dapat menggunakan wang yang secukupnya untuk tujuan pembelajaran. Contohnya pembelian buku rujukan, kos menghadiri seminar dan sebagainya.

## **4.0 KESIMPULAN**

Kita seringkali disogokkan dengan kenyataan bahawa pencapaian PM jauh ketinggalan berbanding dengan PBM. Daripada kajian ini didapati beberapa faktor turut mempengaruhi senario ini. Aktiviti kelab dan persatuan berbentuk akademik dan bukan akademik dilihat sebagai faktor utama. Perbezaan amat ketara daripada aspek penglibatan pelajar melayu dan pelajar bukan melayu terutama aktiviti di peringkat kolej kediaman. Selain itu, hubungan antara pelajar senior dan junior juga memainkan peranan penting dalam menggarap kecemerlangan akademik. Namun demikian sikap sebahagian besar PM tidak mengambil peluang untuk mewujudkan kerjasama dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik. Justeru, usaha dalam menerapkan budaya kerjasama dan saling membantu di antara PM perlu dilakukan secara berterusan. Integrasi antara PM dan PBM juga perlu dititikberatkan untuk mencapai keseimbangan pencapaian akademik mereka.

Usaha-usaha berterusan perlu dilakukan dalam mengkaji faktor-faktor yang memberi kesan terhadap perbezaan pencapaian mereka. Antaranya faktor kewangan, sistem, sikap, cara berfikir, latar belakang budaya dan sebagainya. Begitu juga dari segi sampel yang diambil. Kaji selidik ini hanya menggunakan sampel daripada pelajar-pelajar FKE sahaja. Adalah lebih menyeluruh sekiranya sampel pelajar melibatkan kesemua pelajar UTM. Usaha pemberian berterusan perlu dilaksanakan bagi mengoptimumkan hasil kajian seperti ini.

## **5.0 RUJUKAN**

- [1] Mark L. Berenson, *et.al*, “Intermediate Statistical Methods and Applications”, Prentice Hall, 1983.
- [2] Hal Ehwal Pelajar, UTM, ‘Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Persatuan dan Kelab Pelajar UTM Tahun 2001,2003,2005’ 2005.
- [3] Rekod Keputusan Akademik Pelajar 2005, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, UTM.